

'Dakwaan Melayu kuasai 45% ekonomi berniat jahat'

Oleh BINTU RASYADA ABD. RAHMAN

KUALA LUMPUR 8 okt. - Dakwaan orang Melayu menguasai 45 peratus ekonomi negara dipercayai dicetuskan oleh pihak tertentu yang tidak selesa dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperbaharui kerajaan dengan menyasarkan pemilikan ekuiti kaum itu ke tahap 30 peratus.

Seorang pakar ekonomi tempatan, Dr. Hamzaid Yahya berkata, kajian oleh Institut Kajian Strategik dan Kepimpinan Asia (ASLI) itu cuba menidakkan realiti bahawa orang Melayu masih terkebelakang dari segi penyertaan ekonomi berbanding kaum lain.

"Dengan kajian yang dilakukan, ia boleh menjadi asas kepada bukan bumiputera untuk menidakkan hak istimewa orang Melayu.

"Pihak tersebut mempunyai agenda terselindung dan mereka tak mahu nampak Melayu ini jauh sangat mundur berbanding bangsa lain," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau mengulas kajian asli bertajuk *Pengagihan Ekuiti Korporat: Arah Aliran Lalu dan Polisi Masa Depan* yang mendakwa bumiputera sudah mencapai ekuiti ekonomi dalam negara sehingga 45 peratus iaitu melepasi sasaran DEB sebanyak

30 peratus.

Keadaan itu menimbulkan persoalan pelbagai pihak yang tertanya-tanya bagaimana bumiputera mencapai tahap tersebut sedangkan penguasaan ekonomi bumiputera ketika ini hanya 18 peratus.

Hamzaid turut meminta asli memperbetulkan hasil kajian yang tidak bertanggungjawab itu kerana bimbang ia akan menjadi asas perbincangan yang boleh mencetuskan perbalahan.